

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 NOVEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 57

Teruskan agenda RMK12, bentang semula Bajet 2023

Teruskan agenda RMK12, bentang semula Bajet 2023

Kerajaan baharu harus meneruskan agenda Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan membentangkan sekali lagi Bajet 2023 untuk diluluskan dengan segera, sebagai persiapan menghadapi situasi ekonomi mencabar tahun hadapan.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata kerajaan campuran yang bakal terbentuk dalam masa terdekat dijangka tetap memastikan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat akan diutamakan kerana semua pihak sudah mempunyai pengalaman mentadbir negara.

"Ekonomi tidak akan begitu terkesan kerana saya melihat ti-

dak lama lagi akan ada kerajaan baru dibentuk dan tidak akan ada Parlimen tergantung.

"Dengan tiada parti meraih majoriti mudah membentuk kerajaan, saya melihat selepas pilihan raya ini, akan berlaku kurangnya permainan politik dan usaha akan lebih kepada pemuliharan ekonomi dan menarik lebih ramai pelabur ke negara kita," katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berpandangan kerajaan baharu mempunyai tugas yang mencabar iaitu untuk terus mempertahankan momentum pemuliharan ekonomi negara,

ia tidak boleh dibiarkan perlahan memandangkan ekonomi global yang diramalkan amat mencabar pada 2023 dan tahun-tahun akan mendatang.

Katanya, Malaysia memerlukan kerajaan yang stabil dan kuat untuk membentulkan struktur ekonomi negara yang pincang sekarang dengan pelbagai isu seperti inflasi, sekuriti makanan, graduan 'underemployment', kebergantungan kepada pekerja asing serta kurangnya budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri pembuatan Malaysia.

"Parlimen tergantung memberi kesan kepada kita terutama Bajet 2023 yang tidak sempat diluluskan yang mana ini membutatkan segala perancangan mung-

kin perlu dilakukan semula.

"Jadi momentum ini mestilah dikenalkan sekiranya tidak ekonomi akan kembali menguncup terutama ekonomi tempatan yang dijangka menjadi enjin ekonomi negara utama tahun hadapan. Dari segi ekonomi (Parlimen tergantung terlalu lama) tidak bagus. Sebab tiada kestabilan politik. Bagaimana nak buat pelan pemuliharan ekonomi kerana Malaysia bermasalah dalam struktur ekonomi," katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, dengan pembentukan kerajaan baharu, pembangunan ekonomi diharapkan lebih seimbang terutama di luar bandar khususnya di Malaysia Timur dan negeri yang kurang pembangunannya

seperti Kelantan Terengganu, Kedah dan Perlis, yang memerlukan bukan sahaja infrastruktur yang lebih baik tetapi lebih usaha menarik pelabur, sekali guna dapat mengurangkan penghijrahan belia ke negeri lebih membangun di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

"Kestabilan politik adalah antara faktor utama dilihat oleh pelabur luar dan tempatan dan selepas Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14), Malaysia agak ketinggalan berbanding negara serantau dalam menjadi 'magnet' kepada pelabur langsung asing (FDI). Vietnam dan Indonesia terutamanya telah merapatkan jurang dan melebihi kita sebagai tarikan FDI di ASEAN.